

SOP: Panduan Keselamatan Pasca- PKP COVID-19 untuk Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Memastikan Persekitaran Bebas COVID-19 untuk Pusat Intervensi Awal, Taska, dan Tadika.

Garis panduan (*Standard Operating Procedure*, SOP) kebersihan dan keselamatan COVID-19 ini dituliskan khas untuk membimbing Pusat Pendidikan Awal Kanak-kanak (PPAK) dalam mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengekang jangkitan penyakit COVID-19 dalam komuniti-komuniti apabila pusat-pusat tersebut beroperasi semula **sepertimana yang diarahkan oleh pihak berkuasa berkenaan** kelak. Garis panduan ini dituliskan khususnya untuk konteks PPAK seperti pusat intervensi awal, taska, dan tadika. Namun, ia mungkin boleh juga diaplikasikan kepada pusat-pusat lain yang menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak, dan juga sekolah. SOP ini dikarya oleh Majlis Intervensi Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (NECIC) Malaysia, yang terdiri daripada 26 badan-badan bukan kerajaan (NGO) terlibat dengan intervensi awal kanak-kanak. Dokumen ini adalah dokumen “hidup” yang bakal dikaji semula dari semasa ke semasa apabila kita mendapat butiran yang lebih terperinci mengenai epidemik ini. Dokumen ini juga boleh diperolehi dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

PPAK seharusnya memustahakkan kebersihan dan juga langkah-langkah penjarakan fizikal secara serius kerana seluruh Malaysia, sejeurusnya satu dunia sedang bersatu dalam perjuangan jangka masa panjang – dianggarkan sekurang-kurangnya setahun dua lagi. Sebagai warga komuniti, setiap seorang memainkan peranan yang penting dalam meneruskan amalan kebersihan yang secukupnya, dan juga penjarakan fizikal yang selamat untuk mengekalkan kawalan ke atas COVID-19, dengan mahupun tanpa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ataupun mana-mana jenis perintah berkurung.

Langkah-langkah pencegahan seperti yang dibincangkan dalam dokumen ini berkemungkinan besar harus diubahsuai untuk mengikut jadual sekolah dan juga kelas, contohnya waktu persekolahan dan pembelajaran yang lebih singkat untuk merangkumi masa pembersihan, serta menjadualkan penggunaan kawasan am agar tidak digunakan serentak.

Latihan Keselamatan COVID-19 untuk Seluruh Komuniti Sekolah

Pusat intervensi awal, taska, dan tadika mestilah menyediakan latihan keselamatan COVID-19 untuk SEMUA staf, ibu bapa, dan pelajar:

- **Berkomunikasilah dengan ibu bapa dan penjaga** mengenai langkah-langkah yang dijalankan di sekolah anda, melalui telefon mahupun mesej peribadi. Jelaskan

mengapa sekolah mengambil langkah sedemikian dan bagaimana ibu bapa dan penjaga dapat membuat persediaan diri sendiri dan juga anak-anak mereka untuk perubahan tersebut. Perkongsian SOP ini untuk rujukan mereka juga boleh dipertimbangkan.

- **Latihan Staf** seharusnya dilakukan **sebelum sesi persekolahan bermula kembali** untuk memastikan seluruh staf bersedia melaksanakan langkah-langkah kebersihan dan keselamatan yang sesuai. Apabila kanak-kanak kembali ke pusat/sekolah, **SEMUA** staf sudah harus membiasakan diri dengan:
 - Amalan kebersihan diri yang baik
 - Langkah-langkah pemantauan dan pemeriksaan kesihatan
 - Penggunaan termometer secara betul (menurut garis panduan pengeluar)
 - Prosedur-prosedur pembersihan dan penyahjangkitan
 - Kaedah penjarakan sosial untuk setiap rutin dan bilik yang digunakan

Latihan staf juga harus melibatkan suatu percubaan di tapak (on-site test-run) strategi-strategi untuk berkongsi informasi dengan kanak-kanak, ibu bapa dan pelawat, dan juga cara-cara berkomunikasi secara jelas dan tegas.

- **Melatih SEMUA** pelajar, ibu bapa dan penjaga **sebelum sesi persekolahan bermula kembali** mengenai semua langkah-langkah kebersihan dan keselamatan yang bakal diguna pakai oleh sekolah.
 - **Melatih semula** ibu bapa, penjaga dan pelajar dari semasa ke semasa (seminggu sekali, seterusnya dua minggu sekali, dan seterusnya sebulan sekali), terutamanya mereka yang memaparkan kesukaran untuk mengikuti langkah-langkah kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan.
 - Bertimbang rasa, tetapi tegas ketika melatih pelajar, ibu bapa, dan penjaga. Keluarga yang **ENGGAN** menurut langkah-langkah yang ditetapkan harus dimaklumkan bahawa anak mereka akan digantung persekolahan atau tidak lagi dibenarkan hadir ke pusat atas risiko kemudaratan kepada semua.
 - Berkomunikasi dalam bahasa yang paling selesa untuk ibu bapa, penjaga dan pelajar, sama ada Bahasa Malaysia mahupun Bahasa Inggeris. Sekiranya berkemampuan, berkomunikasi dalam bahasa ibunda, spt. Bahasa Tamil, Bahasa Cina, Bahasa Iban, Bahasa Dusun, Bahasa Semai, dll.
- Implementasikan **kepelbagaian modaliti** dalam latihan: panggilan telefon, mesej melalui aplikasi telefon, persidangan video, gambar/foto, infografik, video, dll. Maklumat yang disampaikan haruslah jelas dan mudah difahami dari segi bahasa dan visual, serta bersifat **mesra kanak-kanak dan inklusif golongan berkeperluan khas**.
- Ada kanak-kanak yang mungkin memerlukan penjelasan, dengan cara sensitif, mengenai wabak coronavirus dan mengapa perlunya sekolah mengubah dasar operasinya. Berikut adalah senarai [Sumber Bahan Latihan COVID-19 untuk Kanak-kanak](#) yang mungkin dapat membantu ibu bapa untuk menerangkan wabak coronavirus ini kepada kanak-kanak.

Langkah-langkah Pencegahan Sejangkit (Asas) - Amalkan Sentiasa

Amalkan Kebersihan Diri yang Baik

1) Membasuh tangan

- a) Langkah membasuh tangan – Rujuk kepada Lampiran 1.
- b) Bersin dan batuk ke bahagian dalam siku atau kertas tisu (dengan cara pelupusan yang betul).
- c) Memastikan bekalan sabun dan air mahupun pensanitasi tangan yang secukupnya, dan pastikan ia berhampiran serta mudah dicapai pada setiap masa.

2) Pemakaian **topeng muka** pada setiap masa untuk setiap staf

- a) Cara betul untuk memakai topeng muka – Rujuk Lampiran 2.
- b) Topeng muka 3 lapis
- c) Topeng kain: sekurang-kurangnya topeng 100% kapas, dua lapis, dengan penapis fabrik tidak ditenun (*non-woven fabric*)

3) **Tiada perkongsian** makanan, perkakas, cawan, pinggan, mangkuk, tuala, dll.

4) Pelupusan kertas tisu kotor atau tisu lap basah ke dalam tong sampah yang tertutup.

5) Membuka dan membuang topeng muka dan sarung tangan ke dalam beg plastik yang ditutup rapi dan dilupuskan dengan kaedah yang sesuai selepas digunakan.

Persekitaran Bersih

Melaksanakan pembersihan dan penyahjangkitan rutin permukaan-permukaan dan objek-objek yang kerap disentuh.

Pembersihan dan penyahjangkitan permukaan dan objek

- 1) Permukaan yang kerap disentuh termasuk: tombol/pemegang pintu, suis lampu, meja, kerusi/bangku, selusur tangan, pemegang sinki bilik darjah, tikar, permukaan meja kerja
- 2) Objek yang kerap disentuh termasuk: mainan, peralatan pembelajaran, alat tulis, kotak mainan/utliti, komputer (papan kekunci, tetikus), dll.
 - Bersihkan objek selepas setiap penggunaan oleh kanak-kanak mahupun staf
- 3) Penyahjangkitan yang berkesan kepada coronavirus:
 - Peluntur pembersihan rumah dicairkan dengan air dengan nisbah 1:100, cth. 10ml peluntur kepada 1 liter air
 - Rujuk kepada [garis panduan pembersihan dan penyahjangkitan](#) ini dari CDC USA.

Amalkan Penjarakan Fizikal (Sosial)

1. Peraturan umum

- a. Memastikan jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan orang lain.
- b. Jangan bersalaman, berpeluk, “high-five” atau bersentuhan dengan orang lain.

2. Mengehadkan “pelawat tidak perlu” di sekolah

- a. Mengehadkan lawatan tidak perlu daripada ibu bapa, penjaga, dan pekerja kontrak.
- b. Ibu bapa hanya dibenarkan menjemput dan menghantar kanak-kanak mereka.
- c. Hanya pelawat yang diperlukan untuk memastikan pusat/sekolah berjalan seperti biasa dibenarkan masuk, seperti ahli terapi, guru-guru sokongan pelajar berkeperluan khas (itinerant support teachers), guru-guru intervensi awal dan fasilitator inklusif.
- d. Dapatkan pengisytiharan perjalanan untuk setiap pelawat ke sekolah.
- e. Apabila ada ibu bapa prospektif yang ingin mendaftar anak-anak mereka, jangan benarkan mereka masuk ke pusat atau sekolah ketika waktu operasi. Sebaliknya, buatlah penilaian secara atas talian dan tawarkan lawatan maya (gambar, video) kepada mereka.
- f. Apabila ada kerja pembaikan yang perlu ataupun pemeriksaan dari pihak berkuasa yang harus dilakukan di sekolah:
 - aturkan lawatan pada masa tiada kanak-kanak hadir,
 - amalkan kesihatan diri dan penjarakan fizikal yang baik pada setiap masa,
 - bersih dan nyahjangkit kawasan berkenaan selepas lawatan.

3. Situasi yang mana penjarakan fizikal tidak dapat dilaksanakan:

Ada situasi di mana sokongan fizikal amat diperlukan, seperti ketika fisioterapi, terapi cara kerja, permainan sensori, penulisan; ataupun ketika menyokong kanak-kanak berkeperluan khas dan berlimitasi untuk melakukan perkara-perkara asas, termasuklah makan, pergi ke tandas, menukar pakaian, memakai kasut, dll.

Dalam keadaan sebegini, dewasa (guru, ibu bapa) harus memakai topeng muka dan sarung tangan, dan kerap membasuh tangan mereka. Jangan membenarkan sarung tangan menimbulkan "rasa aman yang palsu" (*false sense of security*).

Pemeriksaan Kesihatan dan Pemantauan

1. Laksanakan pemeriksaan kesihatan, pemantauan suhu badan, dan pensanitasi tangan di pintu masuk sekolah untuk SEMUA ahli staf, pelajar, dan pelawat. Kegagalan pengisytiharan maklumat dengan benar boleh menyebabkan kanak-kanak/keluarga tersebut digantung/dikeluarkan daripada premis pusat/sekolah. Keluarga berkenaan juga boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa.
2. Kenal pasti kawasan yang boleh digunakan untuk mengasingkan pelajar-pelajar dan staf yang jatuh sakit secara tiba-tiba, sebelum mereka dihantar kembali ke rumah.
3. Jangan membenarkan sesiapa masuk ke kawasan sekolah, termasuk **staf dan pelajar**, yang berada dalam situasi berikut:
 - **Tidak sihat**
 - Demam mahupun simptom "flu" (selesema, batuk, sakit tekak, kesukaran bernafas)
 - Mereka harus balik ke rumah untuk berehat, dan hanya datang kembali setelah pulih sepenuhnya.
 - Pernah dalam **kontak rapat dengan orang yang disahkan positif COVID-19**
 - Wajib mengambil cuti selama 14 hari

- Staf, ibu bapa dan penjaga harus segera memaklumkan pihak sekolah sekiranya mereka ataupun anak mereka pernah berkontak rapat dengan orang yang diuji positif COVID-19.
 - **Pulang dari luar negara**
 - Semua staf dan pelajar yang baru pulang dari luar negara harus diberikan Cuti Wajib selama 14 hari.
4. Meningkatkan kekerapan mengambil suhu badan untuk semua staf dan pelajar. Garis panduan umum seperti berikut:
- a. Program separuh hari: 2 kali sehari – di waktu tiba dan waktu balik
 - b. Program sepenuh hari: 3 kali sehari – di waktu tiba, tengah hari (makan tengah hari/tidur siang), waktu balik
5. Pengambilan suhu
- a. Suhu yang biasanya dilihat ketika demam: **37.5°C ke atas**
 - b. Nota: Semak kembali garis panduan termometer untuk memastikan cara penggunaan yang betul, julat bacaan suhu biasa, dan arahan pembersihan. Jangan gunakan termometer mulut.
 - c. Cadangkan penggunaan “termometer tanpa kontak” atau alat pengimbas suhu.
6. Sekiranya seorang kanak-kanak tidak sihat sewaktu hadir di pusat, asingkan kanak-kanak tersebut daripada kanak-kanak lain di bilik/kawasan pengasingan. Segera maklumkan ibu bapa untuk membawa kembali kanak-kanak tersebut ke rumah atau untuk mendapatkan rawatan kesihatan.

Papan Tanda

Naikkan poster dan visual untuk mengingatkan staf, pelawat, dan kanak-kanak untuk mengikut kaedah pencegahan yang disarankan. Poster dan visual harus jelas, mesra kanak-kanak, dan mudah dilihat kanak-kanak (pada aras mata). Papan tanda yang disyorkan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Langkah-langkah membasuh tangan
- Kebersihan tangan (bersin/batuk ke bahagian dalam siku, buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah, dan segera membasuh tangan selepas menggunakan kertas tisu tersebut).
- Tiada perkongsian makanan, perkakas dan mainan
- Penjarakan Fizikal (Sosial) yang selamat
- Garis panduan ketika masuk dan keluar dari kawasan sekolah

Pusat-pusat dan sekolah-sekolah juga dinasihati untuk menaikkan garis panduan untuk mengekalkan persekitaran yang bersih demi peringatan staf, contohnya:

- Penyahjangkitan permukaan dan objek (rujuk *Pembersihan dan penyahjangkitan permukaan dan objek, hlm. 3*)
- Pengurusan sisa
- Penggunaan tandas / Mandi / Penukaran lampin


Langkah Pencegahan Khas

Bahagian ini menghuraikan langkah-langkah pencegahan yang patut diambil oleh semua staf dan ibu bapa pada waktu dan situasi yang berbeza sepanjang rutin persekolahan.

Sampai ke Sekolah atau Memasuki Sekolah

Perkhidmatan Kenderaan Sekolah (Bas/Van)


- Sediakan pensanitasi tangan di dalam kenderaan untuk setiap kanak-kanak sebelum menaiki kenderaan.
- Pemandu dikehendaki memakai topeng muka.
- Laraskan jadual pengambilan untuk mengurangkan bilangan kanak-kanak di dalam kenderaan pada setiap masa.
- Khususkan tempat duduk khas untuk setiap kanak-kanak.
- Besarkan jarak di antara tempat duduk kanak-kanak dengan menetapkan tempat duduk untuk 1 orang di setiap barisan, secara pepenjuru (diagonal) dari orang di barisan sebelumnya. Contohnya:



- Mengambil suhu setiap kanak-kanak sebelum menaiki kenderaan.
- Menasihati kanak-kanak yang sakit untuk tinggal di rumah sahaja.
- Membuka tingkap dan menyelaraskan penghawa dingin untuk membantu peredaran udara.
- Sering membersihkan dan menyahjangkit permukaan yang kerap disentuh, seperti: tombol pintu, selusur tangan, tingkap. Bersihkan semua tempat duduk secara berkala.

Perjalanan ke Sekolah Menggunakan Kenderaan Awam

- Elakkan menyentuh muka sendiri.
- Membasuh atau mensanitasi tangan selepas menyentuh permukaan yang kerap disentuh, seperti: tombol pintu, selusur tangan, tingkap.
- Seboleh-bolehnya, kekalkan jarak selamat dari penumpang lain.
 - Dudukkan anak anda di barisan di hadapan anda, supaya dapat diperhatikan.
 - Sekiranya anak anda terlalu muda ataupun sukar untuk duduk bersendirian, anak anda boleh duduk di atas riba anda, ataupun anda boleh mendudukannya di sebelah anda.
 - Susunan tempat duduk yang dicadangkan adalah seorang di setiap barisan, secara pepenjuru (diagonal) daripada orang dalam barisan sebelumnya. Contohnya:



- Seboleh-bolehnya, tingkap harus dibuka untuk membantu peredaran udara.

Ketibaan di Sekolah

- 1) Aturkan waktu ketibaan kanak-kanak supaya tidak tiba sekaligus. Jadualkan waktu-waktu (blok) menurunkan kanak-kanak dalam bilangan kecil, dengan jarak waktu 10-15 minit. Bilangan kanak-kanak disyorkan tidak melebihi 5 orang pada setiap blok.
- 2) Di Pusat-pusat Intervensi Awal (PIA) yang menggalakkan penglibatan ibu bapa, pemeriksaan kesihatan dan penjarakan fizikal yang selamat harus dilaksanakan.
- 3) Ibu bapa/penjaga yang hanya menurunkan anak-anak mereka tidak dibenarkan memasuki kawasan sekolah. Hanya turunkan anak di pagar atau pintu masuk. Cadangan yang boleh dilakukan untuk ibu bapa/penjaga yang menurunkan anak-anak:
 - Kanak-kanak dan ibu bapa/penjaga harus tunggu di dalam kereta sehingga diberi isyarat untuk maju ke hadapan.
 - Sediakan kawasan menunggu yang luas sewaktu menurunkan kanak-kanak. Penanda barisan berjarak 1 meter boleh digunakan sebagai panduan semasa menunggu.
- 4) Ibu bapa/penjaga tidak boleh berkumpul di luar kawasan sekolah.
- 5) Kanak-kanak (dan ibu bapa di PIA) harus pergi terus ke bilik darjah selepas menyelesaikan pemeriksaan kesihatan. Guru boleh mengiringi pelajar ke bilik darjah sekiranya perlu.

Saringan Suhu dan Pemeriksaan Kesihatan

- 1) Lakukan pemeriksaan kesihatan dan saringan suhu di pintu masuk sekolah untuk setiap staf, pelajar, dan pelawat.
- 2) Letakkan pensanitasi tangan di tempat pemeriksaan kesihatan dan nasihati individu yang memasuki kawasan sekolah untuk membersihkan tangan sebelum masuk.
- 3) Jadualkan kakitangan sekolah untuk membuat pemeriksaan kesihatan di pintu masuk. Lantik sekurang-kurangnya 2 ahli staf yang bertugas secara bergilir-gilir (seorang sebagai "*back-up*"). Staf harus mengamalkan kebersihan diri yang bagus semasa pemeriksaan.
- 4) Sekiranya kanak-kanak tidak sihat, beritahu ibu bapa bahawa anak tersebut mesti berehat di rumah sehingga sembuh sepenuhnya.

Mengendalikan Kerja Rumah dan Pemulangan Barangan Perpustakaan

- 1) Khususkan kotak/bakul khas untuk meletakkan kerja rumah dan/atau memulangkan barangan di aras ketinggian kanak-kanak. Staf harus menyahjangkit dengan sewajarnya.

- 2) Pertimbangkan penghantaran kerja rumah secara digital melalui emel atau kelas maya.
- 3) Sekiranya kanak-kanak mempunyai bahan pembelajaran sama di rumah, elakkan daripada meminjam bahan kepunyaan pusat kepadanya. Kongsikan arahan penggunaan kepada ibu bapa/penjaga agar menggunakan bahan serupa untuk mencapai matlamat pembelajaran.
- 4) Sekiranya peminjaman mainan, peralatan dan bahan dibenarkan:
 - a) Pertimbangkan penggunaan katalog/rekod digital untuk ibu bapa agar tidak perlu ke pusat untuk melihat bahan pinjaman fizikal, sebaliknya melayari katalog maya sahaja.
 - b) Sekiranya kehadiran fizikal diperlukan di pusat sumber atau perpustakaan, hadkan bilangan orang yang berada di setiap bahagian ruangan tersebut pada setiap masa.

Penjarakan Selamat dalam Waktu Persekolahan

Fikirkan bagaimana staf, kanak-kanak, dan pelawat bergerak serta berinteraksi di pusat atau sekolah anda. Di manakah kawasan yang paling kerap digunakan (“hotspots”)?

- Ruangan umum yang digunakan semua kelas?
Cth. ruang makan, taman permainan, tandas, bilik komputer, perpustakaan, tempat bermain, taman, dll.
- Tempat yang mana ramai orang berkumpul?
Cth. lorong laluan, pintu masuk utama, tempat menunggu, rak beg/kasut/botol, sinki
- Koridor dan lorong sempit? Mungkinkah beberapa kumpulan kanak-kanak akan melalui koridor atau lorong tersebut pada waktu yang sama?
- Aktiviti di ruangan kecil/sempit? Mungkinkah aktiviti yang melibatkan lebih daripada 5 orang pada waktu yang sama akan dilakukan di dalam bilik kecil tersebut?

Pusat/sekolah harus seboleh-bolehnya **mengehadkan pergerakan bertindih** kanak-kanak dan staf di dalam kawasan pusat untuk mengurangkan interaksi di antara kanak-kanak daripada kelas yang berbeza:

- Kanak-kanak harus kekal di dalam bilik darjah atau aras/tingkat sendiri.
- Dilarang berinteraksi dengan pelajar dari kelas berlainan di koridor, lorong laluan, dan ruangan umum.
- Aturkan waktu pergerakan ke tandas dan ruangan umum seperti kawasan luar dan dewan supaya tidak berlaku serentak.

Staf harus berbincang dan **membuat pelarasan kepada jadual waktu kelas** agar membolehkan perubahan dilaksanakan untuk memastikan penjarakan selamat di antara kanak-kanak dapat dipastikan semasa waktu persekolahan, seperti **penjadualan waktu makan supaya tidak berlaku serentak** dan **pengasingan penggunaan ruangan umum**.

Dalam berbuat demikian, **tempoh peralihan pergerakan dan waktu menunggu harus dirancang sekali** untuk mengelakkan penggesaan jadual dan rutin persekolahan, yang boleh menjejaskan amalan kebersihan dan penjarakan fizikal. Ini bermaksud **waktu pengajaran dan pembelajaran mungkin terpaksa dipendekkan**. Namun, langkah pencegahan ini amatlah mustahak untuk memastikan persekitaran bebas COVID-19 untuk seluruh warga sekolah.

Persekitaran Bilik Darjah

- 1) Kenal pasti bilik darjah/ruangan kosong yang bersih, kemas, dan lapang (berangin) untuk mengendalikan kelas buat sementara waktu agar mengurangkan risiko pendedahan kepada virus.
- 2) Buka tingkap dan pintu untuk membantu aliran udara. Secara amnya, elakkan penggunaan penghawa dingin sekiranya boleh kerana ia hanya mengitar semula angin di dalam bilik.
- 3) Aturkan ruangan pembelajaran (meja, kerusi, dsb.) dengan penjarakan yang selamat (sekurang-kurangnya 1 meter) selaras dengan saiz bilik. Jarakkan tempat duduk kanak-kanak sebanyak mana yang mungkin.
- 4) Dilarang berkongsi bilik-bilik darjah/terapi/mainan antara kelas-kelas berbeza.
- 5) Sebelum penggunaan oleh kumpulan kanak-kanak seterusnya, bersih dan sanitasikan bilik serta semua peralatan di dalamnya selepas setiap sesi penggunaan.
 - Petua: Keluarkan mahupun menutup rapi barangan yang tidak digunakan, rak-rak, ruang simpanan untuk mengurangkan risiko sentuhan/kontak tidak sengaja bagi mengelakkan virus daripada merebak di dalam ruangan tersebut.
 - Waktu pembersihan harus dijadualkan juga untuk memastikan ianya dijalankan dengan sebaik-baiknya. Waktu pembelajaran/aktiviti mungkin terpaksa disingkatkan.

Sewaktu Kelas Berlangsung

1. **Sesi (kelas bimbingan) seorang ke seorang (one-on-one)**
 - Hanya **SEORANG** guru dan **SEORANG** kanak-kanak semasa aktiviti di meja (cth. untuk setiap kubikel dengan jarak 1 meter)
 - Hanya SEORANG ibubapa dibenarkan, dan secara kes demi kes, jika diperlukan sahaja (cth. kanak-kanak dengan kegelisahan perpisahan, memerlukan sokongan fizikal penuh, memerlukan sokongan tingkah laku).
 - Nyahjangkit semua permukaan dan objek selepas setiap sesi penggunaan sebelum giliran kanak-kanak seterusnya.
 - Basuh tangan dengan sabun dan air atau pensanitasi tangan sebelum dan selepas pelajaran dan aktiviti. Pastikan pensanitasi tangan atau sinki berdekatan dan mudah dicapai pada setiap masa.
2. **Aktiviti berkumpulan**
 - Kurangkan atau batalkan aktiviti berkumpulan.
 - Aturkan lebih banyak aktiviti individu di sekeliling bilik. Sekiranya boleh, asingkan buku-buku dan mainan blok di beberapa kawasan di sekeliling bilik, bukannya di atas satu rak sahaja.
 - Sekiranya mengendalikan aktiviti berkumpulan, satu bilik hanya boleh mengandungi 2-3 guru dan 3 pelajar secara maksima. Jarak 1 meter di antara setiap orang.
 - Elakkan aktiviti yang memerlukan sentuhan di antara orang, cth. memegang tangan, bersalaman, "high 5", dsb.
 - Elakkan aktiviti berkumpulan yang memerlukan semua orang duduk di atas tikar. Sebaliknya, ambil peluang untuk melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti kurang

formal, contohnya: membaca buku atau bercerita dengan satu atau dua pelajar pada setiap sesi sepanjang hari.

- Nyahjangkit semua permukaan dan objek selepas setiap sesi penggunaan, sebelum giliran kumpulan seterusnya.
- Meningkatkan kekerapan membasuh tangan dan memastikan bahan untuk membasuh tangan mudah dicapai.

- Aktiviti sosial yang **sesuai** untuk penjarakan sosial yang selamat:
 - Muzik, menyanyi, menari (secara solo), Zumba
 - Bercerita
 - Seni dan kraftangan mudah
 - Senaman setempat, pergerakan setempat (bahagian atas badan), yoga, senaman duduk
 - Menonton video, bermain mainan komputer (1 komputer setiap seorang)
 - Permainan sosial: “Bingo”, Permainan uji penguatan, “Guess Who”, “Connect Four”, Tic-tac-toe, dll.

- **Elakkan** aktiviti yang tidak sesuai untuk penjarakan sosial yang selamat, contohnya:
 - Perkongsian mainan umum, bahan pengajaran dan peralatan
 - Berkongsi bilik terapi atau bilik mainan
 - Lawatan ke tempat-tempat awam
 - Aktiviti luar seperti taman permainan, bermain air, permainan deria, dll.
 - Perhimpunan awam / mesyuarat berkumpulan

3. Saiz kelas

- 2-3 guru setiap 3 pelajar.
- Satu atau dua staf tambahan dibenarkan untuk situasi kecemasan.
- Sekolah-sekolah tidak mempunyai persekitaran kelas yang lebih besar, maka mungkin terpaksa membahagikan kelas kepada saiz yang lebih kecil, ataupun mengadakan dua sesi.

4. Kehadiran sukarelawan ataupun ibu bapa di dalam bilik darjah

- Hadkan kehadiran sukarelawan di dalam kelas pada masa aktiviti kelas, waktu makan, dan aktiviti-aktiviti lain.
- Ini termasuklah ibu bapa, kakitangan pembersihan, guru-guru dari kelas lain, tukang masak, pekerja penyelenggaraan, dll.
- Ibu bapa / penjaga akan menunggu anak-anak mereka di luar ataupun di ruangan menunggu, di tempat duduk yang dikhaskan.

Penggunaan Tandas

1) Penjadualan penggunaan tandas

- a) Elakkan situasi yang mana beberapa kelas melawat tandas pada masa yang sama, contohnya sejurus selepas makan tengah hari atau waktu rehat, ataupun selepas bermain di luar atau aktiviti kotor.

- b) Guru-guru dari setiap kelas dinasihati supaya membincangkan jadual waktu harian kelas masing-masing untuk mengelakkan pertindihan masa penggunaan tandas.
- 2) **Kekalkan penjarakan fizikal yang selamat.** Letakkan petanda 1-meter di luar tandas untuk panduan kanak-kanak.
- 3) Tampilkan visual/poster kebersihan tandas pada aras mata kanak-kanak, seperti:
 - a) Tutupkan penutup mangkuk tandas sebelum mengepam air tandas
 - b) Basuh tangan selepas menggunakan tandas

Waktu Makan - Rehat/Makan Tengah Hari

- 1) Kanak-kanak dan staf seharusnya makan di dalam kelas masing-masing untuk mengekalkan penjarakan selamat dengan kanak-kanak dari kelas-kelas lain. Pastikan jarak kedudukan kanak-kanak adalah 1 meter di antara satu sama lain, cth. hujung meja, ataupun menggunakan lebih banyak meja.
- 2) Jangan berkongsi makanan ataupun perkakas.
- 3) Sekiranya penggunaan satu lokasi tempat makan am diperlukan (contohnya kantin ataupun ruang makan umum), maka:
 - Jadualkan waktu makan kelas-kelas agar tidak bertindan dan bercampur.
 - Bersihkan permukaan (meja, kerusi) sebelum giliran kumpulan/kelas seterusnya.
- 4) Tukang masak ataupun pengendali makanan harus memakai topeng muka atau penutup mulut plastic (*spit-guard*) dan elakkan berinteraksi dengan kanak-kanak.
- 5) Makanan yang dibungkus secara individu digalakkan.

Mandi dan Menukar Pakaian

Mandi

- Elakkan daripada memandikan kanak-kanak di pusat. Hadkan mandian kepada kanak-kanak yang mengotorkan diri sendiri ataupun mempunyai masalah kulit.
- Sekiranya diperlukan, mandikan kanak-kanak SEORANG demi seorang. Basuh (bilas) tandas atau kawasan yang digunakan dengan cermat selepas setiap kali mandi atau sebelum kanak-kanak lain menggunakannya.

Sekiranya pertukaran baju kanak-kanak diperlukan:

- Implementasikan pertukaran baju/lampin SEORANG demi seorang.
- Semasa menukarkan pakaian kotor kanak-kanak, staf harus memakai topeng muka.
- Terus memasukkan baju kotor ke dalam beg plastik dan tutupkannya. Untuk lampin terpakai, buang segera ke dalam tong sampah tertutup.
- Staf dan kanak-kanak harus membasuh tangan selepas menyalin baju.

Waktu Tidur Siang

- 1) Kanak-kanak dinasihati tidur di dalam bilik darjah masing-masing dan mengelakkan pergaulan antara kelas ketika waktu tidur siang.
- 2) Setiap kanak-kanak, secara individu, harus dikhaskan katil/tempat tidur, tilam, bantal, dll. yang dilabelkan mengikut nama masing-masing.
- 3) Kekalkan jarak kanak-kanak sebanyak 1 meter.

- 4) Sekiranya staf diperlukan untuk membantu kanak-kanak sewaktu tidur siang, mereka perlu memakai topeng muka dan membasuh tangan selepas membantu kanak-kanak tersebut.

Waktu Habis Sekolah atau Meninggalkan Kawasan Sekolah

- 1) Asingkan waktu pengambilan balik semua pelajar. Aturkan blok-blok waktu untuk mengambil kanak-kanak balik ke rumah, dengan jarak waktu 10-15 minit.
- 2) Ibu bapa/penjaga harus sampai ke sekolah sejurus sebelum waktu pengambilan yang ditetapkan untuk mengurangkan waktu menunggu, dan mengelakkan perkumpulan.
- 3) Sediakan ruangan menunggu yang luas untuk ibu bapa/penjaga untuk mengambil anak-anak mereka. Letakkan penanda jarak 1 meter sebagai panduan ketika menunggu.
- 4) Memeriksa suhu setiap kanak-kanak, staf, dan pelawat yang meninggalkan kawasan sekolah.
- 5) Elakkan daripada membincangkan perihal anak dengan ibu bapa/penjaga di dalam kawasan sekolah untuk meminimakan perkumpulan. Sebaliknya, berkomunikasi melalui panggilan ataupun aplikasi telefon.
- 6) Bersihkan dan nyahjangkit ruangan yang selalu disentuh, meja dan kerusi, peralatan, objek, dll. sebelum kumpulan seterusnya tiba.

Kanak-kanak Sampai ke Rumah

- Kanak-kanak harus segera mandi setelah sampai ke rumah sebelum berinteraksi dengan ahli keluarga yang lain (elakkan daripada bersentuhan atau berpelukan).
- Baju yang dipakai di sekolah harus direndam dengan air sabun.

Di Luar Waktu Persekolahan

- Nasihati ibu bapa untuk mengurangkan dan menangguhkan kumpulan permainan dan parti yang diadakan di luar kawasan sekolah.
- Nasihati ibu bapa untuk mengamalkan penjarakan fizikal (sosial) yang selamat di luar kawasan sekolah. Sumber: [Penjarakan Sosial](#) oleh Dr Toh Teck Hock, Sibul, Sarawak.

Persediaan Kerja untuk Guru/Ahli Terapi

- Guru/ahli terapi dinasihati untuk menyediakan pengajaran di bilik darjah masing-masing dan mengekalkan jarak 1 meter di antara satu sama lain.
- Sekiranya bahan-bahan berada di kawasan am seperti perpustakaan, bilik sumber atau pejabat, aturkan supaya hanya 1-2 orang berada di kawasan tersebut pada masa yang sama. Contohnya, nombor giliran ataupun jadual penggunaan bilik.
- Sekiranya ada lebih daripada satu orang di ruangan persediaan, berdiri atau duduk bertentangan (tidak berhadapan muka, "back-to-back") dan kekalkan penjarakan fizikal yang selamat.

Mesyuarat dan Latihan Kakitangan

- 1) Kurangkan mesyuarat fizikal dan latihan staf, terutamanya yang tidak diperlukan.
- 2) Kendalikan mesyuarat melalui emel ataupun sidang video sekiranya boleh.
- 3) Pilih latihan atas talian sekiranya boleh.
- 4) Untuk latihan perlu yang tidak dapat dikendalikan secara atas talian:
 - Jarakkan tempat duduk peserta latihan sekurang-kurangnya 1 meter.
 - Elakkan aktiviti yang memerlukan kontak fizikal.
 - Sediakan makanan yang dibungkus secara individu, bukannya secara bufet.
- 5) Staf dinasihatkan supaya tidak berkumpul atau berbual.

Apabila ada Kes Sah di Kawasan Sekolah

- Tutup sekolah untuk 3-5 hari.
- Berkomunikasi dengan ibu bapa, kanak-kanak dan staf. Jangan mendedahkan identiti staf, kanak-kanak ataupun ibu bapa yang dijangkiti dan berkomunikasi dengan cara yang mampu mengelakkan stigma dan diskriminasi.
- Bersihkan dan nyahjangkit sekolah dengan selengkapnya:
 - Tutupkan kawasan yang digunakan oleh individu dengan COVID-19 dan tunggu sekurang-kurangnya 24 jam sebelum memulakan proses pembersihan dan penyahjangkitan untuk mengurangkan potensi pendedahan kepada titisan cecair ("*droplet*"). Buka pintu dan tingkap luar untuk membantu peredaran udara di kawasan tersebut.
 - Kakitangan kebersihan harus membersihkan dan menyahjangkit setiap kawasan (cth. pejabat, tandas, dan ruangan am) yang digunakan oleh orang yang dijangkiti, dengan memfokuskan permukaan yang sering disentuh.
 - Sekiranya permukaan kotor, ia harus dibersihkan dengan menggunakan bahan pencuci atau air sabun sebelum dinyahjangkit.

Pembelajaran Maya untuk Kanak-kanak di Rumah

Bersedia dan menyediakanlah peluang pembelajaran dan pengajaran secara maya kepada kanak-kanak yang mungkin tidak dapat hadir ke sekolah secara fizikal. Kanak-kanak yang berada dalam kumpulan berisiko tinggi dan yang mungkin dikehendaki tinggal di rumah termasuk:

- Kanak-kanak dengan sistem imun yang berkompromi (terancam)
- Kanak-kanak dengan keperluan kesihatan yang agak kompleks
- Mempunyai ahli keluarga dengan arahan kuarantin atau yang dikenalpasti sebagai positif COVID-19
- Mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam 14-hari yang sebelumnya ke negara-negara COVID-19

Implementasikan rancangan pembelajaran maya, termasuk pembelajaran digital dan jarak jauh sebagai satu pilihan yang sesuai untuk memastikan kesinambungan program pengajaran/pembelajaran. Sekolah/pusat dinasihatkan untuk mempertimbangkan perkara-perkara berikut ketika membuat rancangan untuk pembelajaran maya:

- Bagaimana untuk mentransformasikan pelajaran fizikal kepada pelajaran atas talian dan bagaimana melatih guru-guru untuk berbuat demikian.
- Bagaimana untuk mengurus dan menyelesaikan masalah teknikal sekiranya ia berlaku, dengan sokongan IT dan bilangan staf yang terhad.
- Bagaimana untuk menggalakkan penyeliaan yang sesuai daripada ibu bapa/penjaga semasa pelajar menggunakan pembelajaran jarak jauh.
- Bagaimana untuk menangani masalah kekurangan akses kepada komputer dan internet di rumah pelajar.

Berserta pembelajaran maya, sekolah-sekolah/pusat-pusat juga harus mengambil kira jumlah waktu minima (jam atau hari) pembelajaran berbentuk fizikal yang diperlukan oleh kanak-kanak untuk memastikan kanak-kanak tersebut mendapatkan pengalaman pembelajaran yang lengkap dan penuh bermakna.

Lampiran 1: Membasuh Tangan

Kebersihan tangan adalah langkah yang sangat mustahak dalam membendung jangkitan virus.

Bilakah Pendidik/Pembimbing dan Kanak-kanak harus membasuh tangan?

- Sebaik sahaja sampai di pusat
- Sebelum menyediakan, menghidangkan, serta sebelum, semasa dan selepas makan
- Selepas menggunakan tandas
- Selepas menukar lampin kanak-kanak atau membantu mereka di dalam tandas
- Selepas mengelap hidung, mulut, kawasan sakit atau luka
- Selepas membersihkan mana-mana cecair badan, cth. cirit-birit, hingus atau muntah
- Selepas bermain di luar
- Apabila tangan kelihatan kotor

Beberapa petua untuk memastikan Pendidik/Pembimbing dan kanak-kanak membasuh tangan sepenuhnya:

- Gunakan sabun jenis cecair
- Gosok tangan sekurang-kurangnya 20 saat (nyanyikan lagu membasuh tangan semasa mereka berbuat demikian untuk membantu mereka agar menggosokkan tangan dengan selengkapnya. Nyanyian lagu seperti “Bintang Bintang Di Langit” atau “Selamat Hari Jadi” sebanyak dua kali ataupun “Baby Shark” akan mengambil lebih kurang 20 saat.)
- Gunakan pensanitasi tangan secara berhemat, hanya apabila tiada air dan sabun (lawatan sambil belajar); pensanitasi tangan harus tidak menggantikan tabiat membasuh tangan dengan air dan sabun sekiranya boleh.
- Gunakan tuala kertas dan tisu pakai buang (dilupuskan dengan betul).

Ikut langkah-langkah berikut semasa membasuh tangan. Tampilkan langkah-langkah ini, dengan gambar rajah sekali, di dinding berhampiran sinki sebagai peringatan.

1. Buka pili air.
2. Basahkan tangan dengan air yang mengalir.
3. Letakkan sabun jenis cecair ke atas tangan.
4. Gosok kedua-dua belah tangan untuk sekurang-kurangnya 20 saat. Gosok tapak tangan dan belakang tangan, gosok di bawah kuku, dan gosok di celah-celah jari. (Ketika mengajar kanak-kanak untuk membasuh tangan, perkenalkan “lagu membasuh tangan” untuk memastikan mereka menggosokkan tangan secukupnya.)
5. Bilas dengan air mengalir, sekurang-kurangnya 10 saat.
6. Keringkan tangan dengan tuala kertas yang bersih.
7. Tutupkan pili air menggunakan kertas tuala dan bukannya tangan kosong.
8. Buangkan kertas tuala ke dalam bekas sampah berlapis.

Poster-poster mengenai pembasuhan tangan:

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) [Eng](#)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) [BM](#)

Lampiran 2: Cara Memakai Topeng Muka dengan Betul

Cara memakai topeng muka

1. Pilih saiz topeng yang sesuai. Gunakan saiz kanak-kanak sekiranya berkenaan.
2. Bersihkan tangan dengan air dan sabun ataupun pensanitasi tangan sebelum menyentuh topeng muka.
3. Ambil topeng dan pastikan tiada lubang di kedua-dua belah bahagian topeng muka.
4. Pastikan topeng berada di sisi yang betul: a) jalur logam adalah bahagian atas, b) lapisan berwarna di luar sekiranya menggunakan topeng muka "*surgical*" 3 lapis. Topeng kain juga amat berguna dan membolehkan topeng kesihatan dikhaskan untuk kegunaan petugas kesihatan.
5. Tutup mulut dan hidung dengan topeng dan pastikan tiada ruang di antara muka dan topeng. Ketatkan dan kemaskan topeng dengan sepenuhnya mengikut arahan penggunaan untuk topeng berkenaan.
6. Elakkan daripada menyentuh muka ketika menggunakan topeng. Sekiranya tersentuh topeng tersebut, bersihkan tangan dengan sabun dan air atau pensanitasi tangan.
7. Tukarkan topeng muka dengan topeng baru sebaik sahaja ia menjadi lembap dan jangan menggunakan semula topeng pakai buang. Topeng kain harus dibasuh dengan air sabun dan dikeringkan sebelum digunakan semula.

Cara menanggalkan topeng muka

1. Elakkan daripada menyentuh bahagian hadapan topeng yang sudah tercemar. Hanya sentuh bahagian gelung telinga/tali dan membukanya dari belakang.
2. Segera lupuskan topeng ke dalam tong sampah tertutup ataupun beg plastik yang ditutup rapi.
3. Bersihkan tangan dengan air dan sabun ataupun pensanitasi tangan.
4. Topeng kain harus ditanggalkan dengan cermat dan dimasukkan ke dalam beg plastik yang ditutup rapi ataupun baldi yang dipenuhi air sabun.

Poster Memakai Topeng Muka dengan Cara Betul: WHO [Eng](#)

Beberapa Rujukan yang Berguna

1. CDC https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/community/schools-childcare/guidance-for-schools.html?CDC_AA_refVal=https%3A%2F%2Fwww.cdc.gov%2Fcoronavirus%2F2019-ncov%2Fspecific-groups%2Fguidance-for-schools.html
2. MOH Singapura [https://www.moh.gov.sg/docs/librariesprovider5/default-document-library/infection-prevention-guidelines-for-schools-\(primary\)-and-child-care-centre-third-edition-2019.pdf](https://www.moh.gov.sg/docs/librariesprovider5/default-document-library/infection-prevention-guidelines-for-schools-(primary)-and-child-care-centre-third-edition-2019.pdf)
3. ECDA Singapura [https://www.ecda.gov.sg/PressReleases/Pages/Advisory-to-Parents-Precautionary-Measures-In-Preschools-2019-Novel-Coronavirus-\(2019-Ncov\).aspx](https://www.ecda.gov.sg/PressReleases/Pages/Advisory-to-Parents-Precautionary-Measures-In-Preschools-2019-Novel-Coronavirus-(2019-Ncov).aspx)
4. DHHS Victoria <https://www.dhhs.vic.gov.au/coronavirus-covid-19-transmission-reduction-measures>
5. Poster Penjarakan Sosial, Malaysia <http://tiny.cc/SocDis2020>

Rujukan: Majlis Intervensi Awal Kanak-Kanak Kebangsaan. 2020. SOP: Panduan Keselamatan Pasca-PKP COVID-19 untuk Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Malaysia. Versi 1, 10 April 2020. Creative Commons Attribution CC BY 4.0.

Penyumbang kepada garis panduan ini termasuklah:

Ng Lai Thin, Pegawai Projek, NECIC

Dato' Dr Amar-Singh HSS, Pakar Perunding Pediatrik & Penasihat NECIC

Dr Wong Woan Yiing, Pakar Perunding Pediatrik & Presiden NECIC

Majlis Intervensi Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, Malaysia

10 April 2020

Diterjemahkan oleh: Malcolm Chong Kwok Wei